

Headline	Enggan dapat permit, tiga pusat cuci kereta diroboh		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	06 Nov 2019	Language	Malay
Circulation	250,000	Readership	750,000
Section	News	Page No	19
ArticleSize	269 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,946		



Enggan dapat permit, tiga pusat cuci kereta diroboh

BATU CAVES - Keengganan pemilik mendapatkan permit sah akhirnya memaksa diri apabila tiga buah pusat cuci kereta diroboh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dalam operasi khas bersepudu secara besar-besaran, di Kampung Melayu, di sini pada 24 Oktober lalu.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, aktiviti perrobohan bermula pada 9.30 pagi itu dilakukan berikutan pihaknya menggesa terhadap struktur pusat cuci kereta yang didirikan dan beroperasi tanpa kelulusan pihak berkuasa tempatan berkenaan.

Katanya, sebanyak enam notis dikeluarkan bagi tindakan penyitaan dan perrobohan pusat cuci kereta mengikut Undang-Undang Kecil 3, Seksyen 46(1)(a).

"Operasi perniagaan yang dijalankan ia-lah di atas jalan awam di hadapan Tadika

Kemas tanpa mendapatkan kelulusan MPS. "Selain itu, kita menyita dan merobohkan pusat cuci kereta yang beroperasi di bawah pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan di hadapan rumah pam Bendahara termasuk di bawah pencawang TNB di tepi jalan utama Jalan Sungai Tua Batu 9," katanya dalam kenyataan.

Mohamad Zin berkata, dalam operasi membatikau seramai 20 anggota penguat kuasa dan lima anggota daripada jabatan dalam MPS, pihaknya turut menyita seunit tong kitar semula mengikut Seksyen 46(1).

"Sitaan ini dilakukan mengikut kesalahuan meletakkan tong kitar semula di bahu jalan di Jalan Selayang Mutiara yang dijadikan sebagai tempat membuang sampah.

"Operasi bersepudu ini akan dijalankan dari masa ke semasa," katanya.



Foto: deti MPS

Sebuah daripada tiga pusat cuci kereta haram dirobohkan MPS pada 24 Oktober lalu